

UMS guna istilah fakulti wakili entiti akademik

BH 7.5.2014 12

Kota Kinabalu: Selepas 20 Tahun penubuhannya, semua sekolah pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini dikenali sebagai fakulti.

Pemilihan istilah fakulti untuk mewakili entiti akademik di UMS mempunyai justifikasi, termasuklah bagi mengoptimumkan sumber dan kemudahan di universiti itu, terutama sempena ulang tahunnya ke-20 pada 24 November depan.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata penggunaan istilah sekolah sebelum ini menimbulkan kekeliruan kepada pelbagai pihak, khususnya ibu bapa dan masyarakat umum.

Ini kerana katanya, mereka beranggapan istilah sekolah hanya sesuai digunakan untuk mewakili tahap pengajian yang lebih rendah berbanding

“*Transformasi ini wajar dilaksanakan kerana IPTA di Malaysia berdepan cabaran semasa termasuk isu kebolehpasaran graduan, globalisasi dan pengantarabangsaan pendidikan tinggi*”

Dr Mohd Harun Abdullah,
Naib Canselor UMS



Dr Mohd Harun (duduk tengah) bersama pihak pengurusan kanan serta penerima pelantikan dekan baru di UMS, semalam.
[FOTO IZHARI ARIFFIN/BH]

peringkat universiti.

“Pertukaran sekolah ke fakulti untuk mewakili entiti akademik di UMS adalah satu peralihan yang mudah, namun ketika universiti mencapai usia 20 tahun, adalah wajar entiti akademik disemak semula untuk memantapkan lagi ekosistem pengajian prasiswazah dan pascasiswazah,” katanya.

Beliau berkata selepas mearasmikan Majlis Pengisytiharan Fakulti UMS, semalam.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMS, Profesor Dr Shariff Abdul Kadir S Osman Al-Ha; Pegawai Pendaftaran UMS, Datuk Abdullah Mohd

Said dan Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Akademik UMS, Profesor Dr Marcus Jopony.

Transformasi akademik

Dr Mohd Harun berkata, penukaran istilah itu adalah antara transformasi akademik dilaksanakan untuk memastikan UMS kekal relevan dan menjadi rujukan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang lain.

“Transformasi ini wajar dilaksanakan kerana IPTA di Malaysia berdepan cabaran semasa termasuk isu kebolehpasaran graduan, globalisasi dan pengantarabangsaan pendidikan tinggi,” katanya.